



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	21/8/2018	MUKA SURAT	:	61
JABATAN	:	KATS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Pusat bantu Perak jual air kepada Selangor, Pulau Pinang

Batu Gajah: Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli akan membantu Kerajaan Perak, yang sedia menjual air kepada Selangor dan Pulau Pinang.

Menterinya, Dr A Xavier Jeyakumar, berkata pelan bagi cadangan itu sudah disiapkan dan pihaknya akan mengadakan perjumpaan dengan Kerajaan Perak dan Pulau Pinang, bagi memuktamadkan keputusan.

Katanya, bantuan Kerajaan Persekutuan adalah dari segi pembinaan terowong penyaluran air dari Perak ke Pulau Pinang, bagi memastikan ia terlaksana.

"Projek ini memerlukan sedikit masa dan Kerajaan Persekutuan akan memberi peruntukan untuk projek terowong penyaluran air.

"Buat masa ini, antara Perak dengan Pulau Pinang boleh kita laksanakan, kerana Pulau Pinang mahu Perak membekalkan air mentah," katanya di sini,



Buat masa ini, antara Perak dengan Pulau Pinang boleh kita laksanakan, kerana Pulau Pinang mahu Perak bekalkan air mentah"

A Xavier Jeyakumar,
Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli

malam kelmarin.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Besar Perak, Ahmad Faizal Azumu, baru-baru ini yang menyatakan hasrat menjual air terawat kepada Pulau Pinang dan Selangor.

Jeyakumar berkata, kesediaan Perak menyalurkan air ke Selangor masih perlu dinilai, memandangkan Loji Rawatan Air (LRA) Langat 2 akan membekalkan air mulai November ini.

"Ketika ini, kerajaan memberi keutamaan kepada projek Langat 2 yang mempunyai dua fasa, iaitu fasa satu akan dilaksanakan sebelum 2023 dan Selangor serta Kerajaan Persekutuan kini berunding untuk memulakan fasa dua.

"Kita selesaikan Perak dan Pulau Pinang dahulu, jika di utara Selangor memerlukan air, mungkin persetujuan boleh dibuat kemudian antara kedua-dua negeri," katanya.